



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

**SIARAN MEDIA**

**PENAMBAHBAIKAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI  
PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA HINDU SEMPENA  
PERAYAAN HARI DEEPAVALI 2024**

---

**PUTRAJAYA, 25 Oktober 2024** – Kerajaan telah bersetuju bahawa pegawai yang menganut agama Hindu boleh memilih untuk menggunakan Cuti Tanpa Rekod (CTR) sempena perayaan Hari Deepavali selama **satu (1) hari sama ada sehari sebelum atau pada hari kedua Perayaan Deepavali mulai tahun ini.**

Sebagaimana dimaklumi, penggunaan CTR ini tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing dan surat edaran ini pada keseluruhannya **dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan**.

Hari Deepavali pada tahun ini jatuh pada hari Khamis, 31 Oktober 2024. Sehubungan itu Cuti Tanpa Rekod selama satu (1) hari kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang menganut agama Hindu dan berkhidmat di negeri-negeri yang Hari Deepavali merupakan cuti umum adalah pada **hari Rabu, 30 Oktober 2024 atau Jumaat, 1 November 2024**.

Justeru, Kerajaan mengucapkan Selamat Hari Deepavali dan semoga cuti tambahan ini dapat memberi lebih ruang kepada pegawai untuk menyambut perayaan tersebut bersama keluarga.

####

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Tarikh : 25 Oktober 2024  
E-mel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Rujukan : JPA.100-9/1/2 Jld.3 (81)